

**SOALAN LAZIM TRANSITIONAL 6% - 0%  
BAHAGIAN GST, IBU PEJABAT**

**KEDUDUKAN GST**

- S1 : Apakah maksudnya kenyataan MOF / Apakah yang terjadi kepada CBP?  
J1 : Semua pembekalan barang dan perkhidmatan yang kini tertakluk pada kadar standard (6%) menjadi berkadar sifar (0%) mulai 01 Jun 2018. Barang yang diimport juga dikenakan CBP berkadar sifar.
- S2 : Adakah kenyataan MOF terpakai kepada pembekalan yang dikecualikan?  
J2 : Pembekalan dikecualikan kekal sebagai tidak tertakluk kepada CBP dan TIDAK berubah kepada berkadar sifar.
- S3 : Adakah perlu saya menunggu untuk mendapat surat dari JKDM untuk berubah kepada berkadar sifar?  
J3 : Tidak, sila kenakan GST atas kadar sifar (0%).

**PENDAFTARAN**

- S4 : Adakah saya perlu memohon untuk membatalkan pendaftaran saya?  
J4 : Tidak, sila teruskan sehingga diberitahu kelak.
- S5 : Saya telah memohon untuk berdaftar untuk GST tetapi belum mendapat kelulusan, apakah perlu saya buat?  
J5 : JKDM akan memproses permohonan tersebut.
- S6 : Saya telah lewat mohon berdaftar dan telah dikenakan penalti lewat daftar. Bolehkah penalti tersebut diremit?  
J6 : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat.
- S7 : Saya ingin memohon untuk berdaftar secara sukarela di bawah Seksyen 24 ACBP 2014. Perlukah saya mengemukakan permohonan?  
J7 : Tidak, pihak tuan tidak perlu memohon untuk berdaftar secara sukarela.

**PEMBATALAN PENDAFTARAN**

- S8 : Saya telah berhenti dari menjadi orang kena cukai. Apakah layanan CBP ke atas aset perniagaan?  
J8 : Perlu mengakaunkan pada kadar sifar.

**INVOIS CUKAI**

- S9 : Adakah perlu dibuat pindaan ke atas invois cukai tersebut kepada 0%?  
J9 : Invois cukai tidak perlu dikeluarkan sekiranya pembekalan berkadar sifar dan invois komersial boleh dikeluarkan. Invois syarikat boleh dipinda daripada 6% ke 0%.
- S10 : Saya telah mengenakan CBP pada kadar 6% dan satu invois cukai pada kadar 6% dikeluarkan kepada pembeli selepas 01 Jun 2018. Ini bermakna saya telah tersilap mengenakan CBP. Perlukah saya mengakaunkan cukai yang dipungut pada kadar 6%?

J10 : Ya, CBP pada kadar 6% perlu diakaunkan sekiranya amaun CBP 6% telah diterima dan *credit note* tidak boleh / dapat dikeluarkan.

### **TUNTUTAN CUKAI INPUT DI BAWAH SEKSYEN 38**

S11 : Sekiranya pembekalan yang dibekalkan ditetapkan pada kadar sifar, apakah saya masih boleh menuntut cukai input?

J11 : Ya, tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya mematuhi Seksyen 39 dan Peraturan 38, Peraturan CBP 2014.

### **PENYATA**

S12 : Perlukah saya menghantar penyata GST-03?

J12 : Ya.

S13 : Saya telah dikenakan penalti lewat hantar penyata di bawah 41(6) ACBP 2014. Bolehkan penalti tersebut diremit?

J13 : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat.

S14 : Saya telah dikenakan penalti lewat bayar di bawah 41(7) ACBP 2014. Bolehkan penalti tersebut diremit?

J14 : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat.

### **SEKSYEN 66 ACBP 2014**

S15 : Saya telah mengeluarkan invoice cukai pada kadar 6%, barang telah diserahkan kepada pembeli semasa kadar cukai 0%. Apakah yang perlu saya lakukan?

J15 : Cukai perlu dikenakan pada kadar lama iaitu 6%.

S16 : Barang telah dipindahkan kepada pembeli semasa kadar cukai 6%, tetapi invoice cukai dikemukakan semasa kadar cukai 0%. Apakah yang perlu saya lakukan?

J16 : Cukai perlu dikenakan pada kadar lama iaitu 6%.

S17 : Barang telah dipindahkan kepada pembeli semasa kadar cukai 6%, dan invoice cukai dikeluarkan semasa kadar cukai 6%. Walaubagaimanapun, pembayaran hanya diterima semasa kadar cukai 0%. Apakah yang perlu dilakukan?

J17 : Cukai perlu dikenakan pada kadar lama iaitu 6%.

S18 : Saya telah membekalkan perkhidmatan kepada orang yang mempunyai kaitan (*connected person*) secara percuma. Apakah layanan CBP dan perlukah saya mengakaunkan cukai output ke atasnya?

J18 : Pembekalan tersebut adalah berkadar sifar.

S19 : Apakah layanan CBP ke atas hadiah barang yang melebihi RM500? Perlukah saya mengakaunkan cukai output?

J19 : Cukai output perlu diakaunkan pada kadar sifar.

### **IMPAK PADA SKIM**

S20 : Saya merupakan pemegang skim ATS/ATMS/MS/AJS/WS, adakah saya masih perlu mengemukakan penyata bulanan skim?

J20 : Ya.

S21 : Saya merupakan pemilik outlet yang diluluskan di bawah Skim Bayar Balik Pelancong (TRS), apakah kadar CBP yang perlu dikenakan ke atas pembelian barang-barang yang layak di bawah skim TRS?

J21 : Kadar sifar.

S22 : Adakah pelancong masih boleh menuntut pembayaran balik cukai?

J22 : Pelancong masih boleh menuntut bayaran balik cukai melalui *Tourist Refund Scheme* (TRS) sekiranya pembelian dibuat daripada outlet yang berdaftar dan kadar CBP 6% dikenakan serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

S23 : Sekiranya pelancong membuat pembelian pada masa CBP dikenakan pada kadar 6% dan pelancong keluar dari Malaysia semasa CBP dikenakan pada kadar 0%. Adakah pelancong masih boleh menuntut CBP yang dikenakan?

J23 : Ya, sekiranya pembelian dibuat 3 bulan sebelum pelancong keluar dari Malaysia.

S24 : Layanan CBP ke atas pengimportan barang yang dibuat oleh pemegang ATS adalah digantung (*suspended*). Apakah layanan selepas ianya berkadar sifar?

J24 : CBP berkadar sifar.

S25 : Saya merupakan penjual kereta terpakai di bawah Skim Margin di bawah Peraturan 75, Peraturan CBP 2014. Adakah saya perlu akaun CBP atas margin?

J25 : Tidak.

#### - **Pembekalan Di Gudang Berlesen**

S26 : Apabila CBP ditetapkan pada kadar sifar, apakah layanan CBP ke atas pembekalan yang berkadar standard di gudang berlesen seperti rokok dan minuman keras?

J26 : Pembekalan di gudang berlesen adalah berkadar sifar.

S27 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang di dalam gudang berlesen?

J27 : Tiada CBP dikenakan.

S28 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan di gudang berlesen?

J28 : Pembekalan berkadar sifar.

#### - **Pengimportan / Pemindahan Barang Dari Gudang Berlesen**

S29 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari gudang berlesen ke kawasan utama kastam?

J29 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.

S30 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari gudang berlesen ke gudang berlesen yang lain, gudang berlesen dan kawasan yang ditetapkan?

J30 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.

S31 : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 atau K9 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari gudang berlesen semasa pembekalan berkadar sifar?

J31 : Kekal berkadar standard (6%).

(nota: Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari gudang berlesen ke kawasan utama kastam pada hari yang sama)

- S32 : Berkaitan dengan soalan 32, bolehkah saya menuntut cukai input?  
J32 : Tuntutan cukai input tidak dibenarkan.

- **Eksport**

- S33 : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari gudang berlesen ke luar negara?  
J33 : Pengeksportan dikenakan cukai berkadar sifar.

**CUKAI INPUT YANG TIDAK DIBENARKAN (*BLOCKED INPUT TAX*)**

- S34 : Saya telah menjual motokar penumpang yang mana tuntutan cukai input tidak dibenarkan di bawah Peraturan 36, Peraturan CBP 2014. Apakah layanan CBP ke atasnya?  
J34 : Layanan CBP kekal seperti sedia ada iaitu penjualan tersebut bukan merupakan suatu pembekalan. Tuntutan cukai input tidak dibenarkan.

**PEMBEKALAN DI DALAM KAWASAN YANG DITETAPKAN (*DESIGNATED AREA*)**

- S35 : Apabila CBP ditetapkan pada kadar sifar, apakah layanan CBP ke atas pembekalan yang berkadar standard di kawasan yang ditetapkan?  
J35 : Pembekalan di kawasan yang ditetapkan adalah berkadar sifar.  
  
S36 : Apakah layanan CBP ke atas jualan rokok dan minuman keras di kawasan yang ditetapkan?  
J36 : Pembekalan berkadar sifar.

- **Pembekalan Di Kawasan Yang Ditetapkan (*Designated Area*)**

- S37 : Apabila CBP ditetapkan pada kadar sifar, apakah layanan CBP ke atas pembekalan yang berkadar standard di zon bebas seperti rokok dan minuman keras?  
J37 : Pembekalan di zon bebas adalah berkadar sifar.  
  
S38 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang di dalam zon bebas?  
J38 : Tiada CBP dikenakan.  
  
S39 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan di dalam zon bebas?  
J39 : Pembekalan berkadar sifar.

- **Pengimportan / Pemindahan Barang Dari Zon Bebas**

- S40 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam?  
J40 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.  
  
S41 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke zon bebas yang lain, gudang berlesen dan kawasan yang ditetapkan?  
J41 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.

S42 : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari zon bebas semasa pembekalan berkadar sifar?

J42 : Kekal berkadar standard (6%).

(nota: Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam pada hari yang sama)

S43 : Berkaitan dengan soalan 43, bolehkah saya menuntut cukai input?

J43 : Tuntutan cukai input tidak dibenarkan.

- **Eksport**

S44 : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari zon bebas ke luar negara?

J44 : Pengeksportan dikenakan cukai berkadar sifar.

**PEMBEKALAN DI ZON BEBAS (FREE ZONE)**

S45 : Apabila CBP ditetapkan pada kadar sifar, apakah layanan CBP ke atas pembekalan yang berkadar standard di zon bebas seperti rokok dan minuman keras?

J45 : Pembekalan di zon bebas adalah berkadar sifar.

S46 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang di dalam zon bebas?

J46 : Tiada CBP dikenakan.

S47 : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan di dalam zon bebas?

J47 : Pembekalan berkadar sifar.

- **Pengimportan / Pemindahan Barang Dari Zon Bebas**

S48 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam?

J48 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.

S49 : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke zon bebas yang lain, gudang berlesen dan kawasan yang ditetapkan?

J49 : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar sifar.

S50 : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari zon bebas semasa pembekalan berkadar sifar?

J50 : Kekal berkadar standard (6%).

(nota: Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam pada hari yang sama)

S51 : Berkaitan dengan soalan 43, bolehkah saya menuntut cukai input?

J51 : Tuntutan cukai input tidak dibenarkan.

- **Eksport**

S52 : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari zon bebas ke luar negara?

J52 : Pengeksportan dikenakan cukai berkadar sifar.

## **KETETAPAN UMUM / AWAL / DG DECISION / KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH JKDM**

- S53 : Adakah ketetapan umum/awal/DG decision/panduan industri/surat dasar daripada sektor yang berkaitan dengan layanan CBP yang telah dikeluarkan oleh JKDM masih terpakai?  
J53 : Keputusan-keputusan di atas masih terpakai sehingga diberitahu kelak.

## **NOTIS TUNTUTAN (BOD)/SIASATAN/PENDAKWAAN/RAYUAN TRIBUNAL/KOMPAUN**

- S54 : Saya telah menerima BOD dari JKDM menuntut sejumlah cukai dibayar. Adakah saya perlu membayar BOD tersebut?  
J54 : BOD tersebut masih perlu dibayar.
- S55 : Syarikat saya telah disiasat oleh JKDM atas kesalahan tidak menghantar penyata GST-03, adakah saya akan terlepas dari tindakan siasatan dari JKDM?  
J55 : Tidak.
- S56 : Syarikat saya telah didakwa oleh JKDM atas kesalahan tidak membayar GST, adakah saya akan terlepas dari pendakwaan JKDM?  
J56 : Tidak.
- S57 : Syarikat saya telah menfailkan rayuan di tribunal rayuan GST, adakah kes saya masih akan diteruskan?  
J57 : Ya.
- S58 : Syarikat saya telah menerima tawaran kompaun RM5,000 atas kesalahan gagal hantar penyata. Adakah saya perlu membayar kompaun tersebut?  
J58 : Ya.

## **SENARAI HITAM**

- S59 : Adakah tindakan senarai hitam diteruskan?  
J59 : Ya.

## **TAX AGENT**

- S61 : Apakah yang akan berlaku kepada *Tax Agent* dan adakah perkhidmatan mereka perlu diteruskan?  
J61 : *Tax agent* masih diperlukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan CBP.

## **AUDIT**

- S62 : Adakah Audit GST akan diteruskan dan timeframe yang akan diambil. Adakah registran masih perlu menyimpan dokumen/rekod perniagaan selama 7 tahun.  
J62 : Ya.
- S63 : Adakah Tourism Tax akan diteruskan?  
J63 : Ya.

## **UMUM**

- S64 : Apakah itu SST?
- J64 : SST itu adalah Sales and Services Tax. *Sales tax* dikenakan ke atas barang-barang kilangan tempatan dan import, manakala *services tax* adalah cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu.
- S65 : Saya telah membeli tiket penerbangan sebelum 01 Jun 2018 dan dijadualkan berlepas selepas 01 Jun 2018. Bolehkah saya menuntut balik nilai CBP yang telah dibayar?
- J65 : Bergantung kepada transaksi jual beli antara penjual dan pembeli tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dimaterai.
- S66 : Deposit (bayaran pendahuluan) untuk pembekalan barang / perkhidmatan telah dibayar sebelum tarikh 01 Jun 2018 dan barang / perkhidmatan dibekalkan selepas tarikh 01 Jun 2018. Apakah layanan CBP?
- J66 : Bayaran pendahuluan tertakluk kepada CBP atas kadar standard manakala baki bayaran sekiranya dibuat selepas tarikh 01 Jun 2018 adalah tertakluk kepada kadar sifar.  
(Nota: Pengguna dinasihati mengadakan rundingan semula dengan pembiaya pinjaman mengenai nilai pinjaman)
- S67 : Adakah cukai yang dikenakan ke atas barang yang dibawa masuk bersama penumpang di lapangan terbang bertukar ke kadar sifar?
- J67 : Tidak, masih kekal pada kadar 10%. CBP ke atas barang dikenakan pada kadar sifar, tetapi duti import ke atas barang yang dibawa masuk bersama penumpang masih dikekalkan pada kadar *ad valorem* 10%.
- S68 : Barang yang dibeli dan dikenakan CBP pada kadar standard (6%) kemudian dipulangkan kepada penjual semasa CBP berkadar sifar (0%). Apakah layanan CBP?
- J68 : Penjual perlu mengeluarkan *credit note* yang sama nilai jualanannya.
- S69 : Apakah sistem yang digunakan semasa SST?
- J69 : Akan ditentukan kelak.
- S70 : Adakah Tourism Tax akan diteruskan?
- J70 : Ya.

### **NOTA PENTING:**

Soalan-soalan yang belum dimuktamadkan kedudukannya seperti:

- Threshold
- Tempoh peralihan
- Kadar
- Skop pengenaan cukai
- Tarikh kuatkuasa SST

Jawapan – Tertakluk kepada pengumuman kerajaan / sila tunggu pengumuman rasmi selanjutnya